

**TARIKH-TARIKH DAN WAKTU-WAKTU
YANG TIDAK DIBENARKAN MENGADAKAN
HIBURAN AWAM BAGI TAHUN 2025:**



کمنتريين حال احوال دالم نكوي
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**1 MUHARRAM
AWAL TAHUN HIJRAH**



**27 REJAB
ISRA' MI'RAJ**



**1 SYAWAL
HARI RAYA AIDIL FITRI**



**12 RABIULAWAL
MAULIDUR RASUL**



**SEPANJANG BULAN
RAMADHAN**



**10 ZULHIJAH
HARI RAYA AIDIL ADHA**



**SETIAP MALAM JUMAAT DAN SEPANJANG
HARI JUMAAT SEHINGGA WAKTU MAGHRIB**

Permohonan untuk mendapatkan lesen hiburan awam hendaklah dibuat melalui portal Onebiz (<https://onebiz.business.gov.bn>), dengan yuran pendaftaran sebanyak \$5.00.



www.moha.gov.bn



info@moha.gov.bn



+673-2223225



[mohabrunei](https://www.instagram.com/mohabrunei)



کمنتريين حال احوال دالم نكربي
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT UNTUK MENGADAKAN AKTIVITI HIBURAN AWAM

LESEN DAN TAPISAN HIBURAN AWAM

Dibawah Akta Hiburan Awam Penggal 181, aktiviti hiburan awam yang dibuat di tempat awam (*public access*) hendaklah mendapatkan lesen.

Acara yang mempunyai persembahan nyanyian, tarian dan sebagainya hendaklah mendapat kebenaran dari Panel Penapisan Filem dan Hiburan Orang Ramai, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pihak penganjur bolehlah berhubung terus dengan Setiausaha Panel Penapisan Filem dan Hiburan Orang Ramai melalui talian **2223225** atau **2226286**.

Walau bagaimanapun, acara-acara berikut adalah **dikecualikan** daripada memohon lesen:

- **Acara persendirian** yang diadakan secara tertutup untuk jemputan tertentu dan bukan untuk tontonan umum;
- Acara-acara berbentuk kenegaraan dan **di bawah naungan** Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

BANGUNAN DAN TEMPAT

Bangunan atau tempat hendaklah mempunyai *Fire Certificate*.

WAKTU-WAKTU YANG DILARANG

- Aktiviti hendaklah diberhentikan 15 minit sebelum sehingga 30 minit selepas Azan (Zohor dan Asar), serta bermula 15 minit sebelum Azan Maghrib sehingga 30 minit selepas Azan Isya'.
- Aktiviti hendaklah diberhentikan sebelum 12:00 tengah malam.

JARAK DARIPADA MASJID/ SURAU/ BALAI IBADAT

Persembahan atau hiburan awam tidak dilakukan 139 meter dari kawasan masjid, surau dan balai ibadat.

NOTA TAMBAHAN

Sebarang Aktiviti Hiburan Awam hendaklah menghormati tatasusila dan falsafah Negara Melayu Islam Beraja; tidak dibenarkan menggunakan bahasa kesat; berpakaian sopan dan sebagainya serta mematuhi Akta dan Peraturan Negara Brunei Darussalam termasuk Akta Pengawalan Pengutipan Derma, Penggal 91.



www.moha.gov.bn



info@moha.gov.bn



+673-2223225



[mohabrunei](https://www.instagram.com/mohabrunei)